

13/03/1997

Mahathir terima anugerah Sabtu ini

KANGAR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dikurniakan Anugerah Cemerlang DiRaja Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis dalam lawatan kerja sehari ke Perlis, Sabtu ini.

Istiadat pengurniaan anugerah itu akan disempurnakan Raja Perlis, Tuanku Syed Jamalulail Tuanku Syed Putra di Balai Rong Seri Istana Arau, kira-kira jam 9 pagi.

Selepas majlis itu, Perdana Menteri akan diberi taklimat mengenai pembangunan negeri ini manakala isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, akan melawat Rumah Kebajikan Jejawi.

Pada tengah hari, Dr Mahathir akan menyaksikan Perjanjian Persefahaman (MOU) di Sungai Baru dan seterusnya meninjau kawasan sempadan di Bukit Putih, Kuala Perlis.

Selepas itu beliau akan berucap di Perhimpunan Rakyat di Dewan Warisan di sini sebelum meninjau kawasan sempadan di Hutan Simpan Mata Air.

Dr Mahathir akan mengakhiri lawatan itu dengan sekali lagi berucap di Perhimpunan Rakyat di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Padang Besar.

(END)